

## Ketirisan Skim Subsidi Baja: Punca dan Peruntukan Perundangan di Malaysia (Leakage on Fertilizer Subsidy Scheme: Cause and Legal Provisions in Malaysia)

ASMAR ABDUL RAHIM  
NURLI YAACOB  
NOR ANITA ABDULLAH  
AIDA RAZAK

### ABSTRAK

*Dalam memastikan sektor pertanian terus berdaya saing, kerajaan telah memperkenalkan skim bantuan subsidi baja kepada petani. Matlamat skim ini adalah untuk membantu meringankan beban petani selain mengoptimalkan hasil pertanian khususnya bagi sektor tanaman padi, getah dan kelapa sawit. Walau bagaimanapun masih wujud ketirisan dalam pemberian skim bantuan baja yang telah menyebabkan kerugian jutaan ringgit kepada negara. Perbuatan penyelewengan ini merupakan satu jenayah komersial yang perlu dibentasi segera kerana melibatkan isu integriti, rasuah dan pecah amanah. Sehubungan itu, artikel ini membincangkan faktor penyelewengan selain menganalisa peruntukan undang-undang yang berkaitan berhubung isu ketirisan skim bantuan subsidi baja secara deskriptif. Masalah ketirisan ini perlu ditangani dengan segera bagi memastikan skim bantuan subsidi baja dapat disampaikan kepada petani dengan lancar dalam memastikan agihan skim baja dapat diuruskan secara telus mengikut lunas perundangan dan seterusnya memberi manfaat kepada petani dalam mencapai pulangan yang lebih lumayan.*

*Kata kunci: Subsidi baja; Ketirisan; Undang-undang; Pertanian*

### ABSTRACT

*In ensuring the agricultural sector remains competitive, the government has introduced fertilizer subsidy schemes to farmers. The objectives of this scheme are to help ease the burden of farmers as well as to optimize agricultural yields, especially for the paddy, rubber and oil palm sectors. However, there is still a leak in the distribution of fertilizer scheme which has caused the loss of millions of ringgit to the country. This is a commercial crime that needs to be eradicated immediately because it involves issues of integrity, corruption and breach of trust. Thus, this paper discusses the factors of malpractice and analyzes the relevant legal provisions on the issue of leakage of fertilizer subsidy scheme descriptively. The leakage problem needs to be addressed immediately in ensuring that fertilizer subsidy schemes can be delivered to farmers smoothly. The distribution of fertilizer schemes needs to be managed transparently in accordance with the law and give benefit to farmers in achieving more lucrative returns.*

*Keywords: Fertilizer Subsidy, Leakage, Law, Agriculture*

### PENGENALAN

Skim subsidi merupakan satu bentuk alternatif bantuan yang diperuntukkan oleh pihak kerajaan dalam usaha meringankan beban rakyat. Skim subsidi juga merupakan instrumen kerajaan yang berguna untuk mencapai objektif dasar ekonomi, politik dan sosial.<sup>1</sup> Di India sebagai contohnya, petani menerima subsidi dalam pelbagai bentuk, dan subsidi baja adalah salah satu yang terbesar.<sup>2</sup> Skim ini juga dilaksanakan atas tujuan mengurangkan bebanan petani padi untuk bersedia menghadapi sebarang kemungkinan luar jangka seperti perubahan iklim yang sering melanda negara, campur tangan yang melibatkan

naik turun harga minimum dan ketidakstabilan harga dunia, kos pengeluaran dan juga pendapatan para pesawah.<sup>3</sup>

Skim subsidi sudah menjadi satu isu dasar yang penting kepada Malaysia. Sebagai contohnya pada tahun 2010/2011 pemberian skim subsidi baja pernah menjadi perbelanjaan mengurus kedua terbesar negara apabila lebih 54% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) diperuntukkan untuk tujuan subsidi kepada rakyat Malaysia pada tahun 2010.<sup>4</sup> Malah dalam belanjawan 2021 juga sebanyak 1.7 bilion ringgit telah diperuntukkan bagi tujuan pemberian subsidi harga padi, baja, insentif tanaman padi serta Insentif Pengeluaran Getah

(IPG).<sup>5</sup> Belanjawan 2021 ini merupakan bukti kerajaan masih perihatin kepada golongan petani serta pemberian skim subsidi masih menjadi agenda negara. Belanjawan 2021 juga telah memberi kelegaan kepada golongan petani memandangkan ketidakpastian pasaran, impak pandemik COVID-19, faktor serangan perosak dan bencana alam yang mendedahkan petani dengan pelbagai risiko.<sup>6</sup> Inisiatif kerajaan yang memberikan tumpuan khusus kepada sektor ini telah memberikan sinar baharu kepada petani untuk mereka berusaha menaik taraf kehidupan selain pemangkin mengurangkan pergantungan negara kepada hasil import.<sup>7</sup> Walau bagaimanapun, skim subsidi juga memberi impak negatif kerana ia mempunyai potensi untuk mewujudkan kelebihan persaingan yang tidak adil yang mengakibatkan gangguan perdagangan negara.<sup>8</sup> Sehubungan itu, dalam memastikan pembangunan sektor pertanian terus berdaya saing, peruntukan atau perbelanjaan kerajaan kepada sektor pertanian tidak hanya tertumpu kepada pembangunan fizikal infrastruktur semata-mata malah penggunaan teknologi moden dalam bidang pertanian turut diperlukan dalam memastikan hasil pengeluaran pertanian terus bertambah. Penguatkuasaan infrastruktur pengairan dan saliran, penggunaan varieti baru dan benih padi sah, pengamalan teknologi pertanian tepat, penyatuan sawah dan pengurusan estet, penggunaan mekanisasi dan automasi serta pengurusan agronomi yang cekap telah menjadi satu agenda utama dalam Dasar Agromakanan Negara (2011-2020) kepada golongan petani.

Kejayaan pertanian selalunya dikaitkan dengan pengeluaran hasil pertanian.<sup>9</sup> Antara faktor yang mempengaruhi hasil peningkatan pertanian adalah penggunaan baja. Sektor pertanian di Malaysia masih bergantung kepada agrokimia termasuk baja kimia dan racun perosak.<sup>10</sup> Subsidi dalam sektor pertanian boleh diberikan dalam pelbagai bentuk. Contohnya di India, selain baja, subsidi lain yang turut diberikan ialah dalam bentuk saluran pengairan terusan dan elektrik yang digunakan terutamanya untuk saiz pam terbesar.<sup>11</sup> Baja yang merupakan salah satu bentuk subsidi merupakan antara barang di bawah senarai bekalan terkawal dalam Jadual 5.1 Akta Kawalan Bekalan 1961 di Malaysia. Justeru itu, sebagai bekalan terkawal kerajaan sentiasa peka kepada keperluan subsidi di kalangan petani dalam usaha meringankan kos selain meningkatkan hasil pertanian. Pembajaan antara

faktor penting yang menyumbang kepada pencapaian hasil yang tinggi. Tanah yang dibaja secukupnya dapat meningkatkan hasil berbanding tanah yang tidak dibaja dengan sempurna. Penggunaan baja secara berkala dan mencukupi dapat memberi kesan kepada hasil pengeluaran pertanian dari masa ke semasa.

Baja merupakan antara barang di bawah senarai bekalan terkawal dalam Jadual 5.1 Akta Kawalan Bekalan 1961. Sebagai contoh pengeluaran hasil getah asli Malaysia pada tahun 2018 ialah 51,209 tan metrik. Jumlah ini naik sebanyak 6.5% peratus berbanding 48,076 tan metrik pada tahun 2017.<sup>12</sup> Pada 2016, tanaman kelapa sawit telah menyumbang kepada pendapatan eksport negara kepada RM67 bilion dan sehingga Disember 2018, angka ini meningkat kepada RM70 bilion. Peningkatan hasil komoditi kelapa sawit adalah satu daripada penyumbang terbesar dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).<sup>13</sup> Manakala hasil padi Malaysia secara keseluruhannya mencatatkan sebanyak 2,568,102 tan metrik pada tahun 2017. Jumlah ini meningkat pada tahun 2018 sebanyak 3,064,822 tan metrik.<sup>14</sup>

Menyedari masalah ketirisan skim subsidi baja yang berlaku di Malaysia, maka objektif artikel ini ialah untuk membincangkan faktor penyelewengan selain menganalisa peruntukan undang-undang berkaitan.

## METODOLOGI

Artikel ini menggunakan metod pendekatan kajian undang-undang tradisional. Data primer dan sekunder digunakan bagi mencapai objektif artikel ini. Bagi data primer, dokumen perundangan iaitu akta dan kes mahkamah dirujuk manakala data sekunder diperolehi daripada buku serta jurnal. Data-data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan kaedah deskriptif, analitikal dan kritikal bagi mencapai objektif di atas.

## SKIM SUBSIDI BAJA DI MALAYSIA DAN KEPENTINGAN KEPADA PETANI

Skim subsidi baja telah diperkenalkan dan dilaksanakan secara besar-besaran pada tahun 1979 di Malaysia. Menyedari kepentingan baja dalam sektor pertanian, sejak tahun 1979 pihak kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM51

juta ringgit bagi skim subsidi baja. Manakala pada tahun 1995, sebanyak RM61.5 juta telah diperuntukkan dan RM116.4 juta pada tahun 2000. Jumlah ini terus meningkat kepada RM267.3 juta pada tahun 2005, RM399.2 juta pada tahun 2010 dan RM340.80 juta pada tahun 2013.<sup>15</sup> Pengenalan skim subsidi baja sama ada kepada pesawah dan pekebun kecil bagi tanaman getah dan kelapa sawit merupakan agenda negara yang sangat penting dalam usaha kerajaan memperbaiki kebijakan masyarakat serta memastikan pengeluaran hasil pertanian dapat dipertingkatkan. Malah menerusi skim subsidi baja sejak tahun 1979 telah berjaya mengurangkan kos pengeluaran yang perlu ditanggung oleh petani di samping menambah jumlah pengeluaran hasil mereka.<sup>16</sup>

Menyedari isu jaminan bekalan makanan yang semakin kompleks lantaran sumber alam semula jadi seperti tanah dan air yang semakin terhad, Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 telah diperkenalkan. Dasar ini merupakan kesinambungan usaha kerajaan dalam memastikan bekalan makanan mencukupi dan selamat kepada rakyat selain meningkatkan pendapatan negara dan usahawan tani<sup>17</sup>. Selain mendukung agenda pembangunan nasional dan dasar-dasar semasa Kerajaan termasuklah Model Baru Ekonomi, Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan, dasar ini dirangka bagi tujuan memastikan Malaysia dapat menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.<sup>18</sup> Polisi dan campur tangan dasar kerajaan memainkan peranan penting dalam memastikan sektor pertanian terus maju selain meningkatkan hasil pertanian.<sup>19</sup>

Pengeluaran beras merupakan sumber pembangunan ekonomi utama negara selain daripada menjadi pengeluaran sumber makanan yang paling penting dan diberi perlindungan yang sangat ketat oleh kerajaan.<sup>20</sup> Lantaran itu, insentif meningkatkan pengeluaran beras negara telah diperkenalkan untuk memastikan bekalan beras negara yang stabil dan mencukupi selaras dengan Dasar Sekuriti Makanan Negara. Menurut dasar ini, negara tidak boleh bergantung kepada makanan import dan jika kuantiti pengeluaran beras tidak ditambah baik, maka Malaysia akan terus bergantung kepada beras import.<sup>21</sup> Walaupun beras import lebih murah tetapi terdapat isu dari segi keselamatan dengan perubahan patern penggunaan padi di masa hadapan. Pengeluaran

padi di Malaysia akan tetap rendah berbanding penggunaannya,<sup>22</sup> oleh itu, skim subsidi terutamanya baja bagi pesawah padi haruslah ditambah baik.<sup>23</sup> Bagi menukarkan Malaysia daripada negara pengimport kepada negara pengekspor beras, kerajaan perlu melibatkan generasi muda untuk meningkatkan pengeluaran melalui program-program kesedaran dan menambah skim-skim subsidi.<sup>24</sup>

Pengendalian skim subsidi baja bagi tanaman padi melibatkan pelbagai pihak yang merangkumi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Jabatan Pertanian Sarawak sebagai pelaksana kepada skim ini.<sup>25</sup> Salah satu badan atau organisasi yang menjalankan tanggungjawab pengendalian pengeluaran beras ini turut di pikul oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) yang juga dikenali sebagai (NAFAS/Pembekal). NAFAS/Pembekal ini berfungsi sebagai pembekal baja manakala Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) merupakan stokis yang membuat pesanan dan bertanggungjawab untuk mengedarkan baja kepada pesawah. Pesanan jumlah baja yang diperlukan oleh PPK adalah mengikut jadual yang telah ditetapkan.<sup>26</sup> Ini bertujuan memastikan mutu dan bekalan baja yang mencukupi untuk dibekalkan kepada para petani seluruh negara adalah mengikut jadual yang telah ditetapkan bagi menggalakkan penanaman dan peningkatan hasil padi negara.<sup>27</sup> PPK atau sub-stokis yang berdaftar bertanggungjawab untuk mengenalpasti, mengagih, melupus, melaporkan dan mengawal selia pengagihan baja.<sup>28</sup> Insentif meningkatkan pengeluaran beras negara telah diperkenalkan untuk memastikan bekalan beras negara yang stabil dan mencukupi selaras dengan Dasar Sekuriti Makanan Negara.

Dalam konteks tanaman kelapa sawit umpamanya, peserta Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) dibekalkan dengan anak benih, baja fosfat, insentif siap tanam, baja sebatian dan bahan kimia.<sup>29</sup> Manakala bagi skim subsidi baja untuk tanaman getah pula adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

Skim subsidi terutamanya baja dalam sektor pertanian amat penting bagi memastikan pertanian dapat dihasilkan dan penduduk

mempunyai akses kepada makanan. Akses kepada makanan dan ketersediaan makanan adalah dua ciri utama yang menentukan ciri-ciri keselamatan makanan. Keselamatan makanan membayangkan individu mempunyai akses pada setiap masa kepada makanan yang cukup untuk kehidupan yang aktif dan sihat.<sup>30</sup> Ketersediaan dan akses kepada makanan dipengaruhi oleh pertumbuhan penduduk, trend demografi, pembangunan ekonomi, dasar kerajaan, tahap pendapatan, kesihatan, pemakanan, jantina, kemusnahan alam sekitar, bencana alam, pelarian, penyakit, penghijrahan penduduk dan pemilikan sumber yang berkepentingan.<sup>31</sup>

Skim subsidi baja juga penting kepada petani itu sendiri bagi memastikan sumber pendapatan mereka mencukupi. Oleh yang demikian, pendekatan pengagihan subsidi baja perlu di ubah dan diberi pendekatan yang wajar bagi mengelakkan sebarang ketirisan sehingga menyebabkan penyelewengan. Maka, sebarang pembaharuan atau perubahan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan perlulah disokong. Ini adalah kerana pembaharuan peringkat kebangsaan seperti perubahan struktur insentif dalam sistem ekonomi, kewangan dan politik mengubah keupayaan pertanian untuk menarik atau mengekalkan tanah, air, buruh dan pelaburan.<sup>32</sup> Contohnya beras telah menjadi makanan ruji bagi banyak negara di seluruh dunia dan bertindak sebagai makanan asasi kepada penduduk.<sup>33</sup> Oleh kerana itu, jika beras menjadi makanan ruji tetapi keperluannya masih terlalu bergantung kepada beras import, maka situasi ini adalah tidak bagus untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia.

#### PUNCA KETIRISAN BERLAKU

Walaupun skim subsidi baja telah lama diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia, namun begitu terdapat masalah utama di mana ketirisan terhadap skim ini telah berlaku. Baja yang sepatutnya sampai kepada petani dengan tujuan untuk meningkatkan hasil tanaman telah disalah gunakan oleh pihak-pihak tertentu. Antaranya, skim subsidi baja telah dikesan disalah tadbir urus oleh pihak yang tidak bertanggungjawab mengakibatkan kerugian kepada pihak kerajaan. Malah ketiadaan data lengkap jumlah petani aktif juga dipercayai turut menjadi penyebab ketirisan dan penyelewengan dalam agihan subsidi baja.

Keadaan diburukkan lagi apabila data 155,000 pesawah yang aktif dengan keluasan kawasan yang diusahakan tidak dikemaskini sejak 20 tahun lalu.<sup>34</sup> Walaupun skim subsidi baja dan skim subsidi harga padi berjaya menambahkan pengeluaran padi dan pendapatan petani, namun dikatakan pengagihannya adalah tidak saksama. Malah dilaporkan terdapat segelintir petani yang sanggup memberi maklumat tidak tepat keluasan tanah yang diusahakan kepada Persatuan Peladang Kawasan (PPK) bagi tujuan untuk mendapatkan subsidi penuh dan kemudiannya menjual sebahagian subsidi yang diterima kepada pihak lain.<sup>35</sup>

Sebagai contoh, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah berjaya merampas 18,927 beg baja dianggarkan bernilai RM 1,001,356 di sebuah premis di Batu 17, Guar Chempedak, Kedah pada 16 Julai 2018. Baja yang dirampas itu dibiayai di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan yang dikhaskan untuk kegunaan pesawah padi di seluruh negara dan bertujuan untuk mengurangkan kos pengeluaran di samping meningkatkan pendapatan mereka.<sup>36</sup> Penyelewengan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) membabitkan nilai RM2.54 juta pada November 2017 telah membawa kepada penahanan seorang pengurus Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Melaka apabila sebanyak 23 tuntutan palsu berjumlah kira-kira RM2.54 juta membabitkan 56,700 kampil baja tidak pernah mendapat kelulusan oleh Mesyuarat Penapis PPK. Baja yang sepatutnya dituntut oleh PPK telah diseleweng dan dipercayai dijual semula bagi tujuan keuntungan peribadi.<sup>37</sup>

Kelemahan pengurusan pembahagian baja juga mungkin menjadi antara faktor ketirisan skim subsidi baja. Jika dilihat dari sudut di mana agrokimia (baja) yang di bawa dari satu tempat ke satu tempat sama ada dari pembekal kepada peruncit atau daripada peruncit ke mana-mana tempat yang lain, setiap pembelian, penyerahan dan penggunaan agrokimia tidak mempunyai inventori dan tidak direkodkan.<sup>38</sup> Sekiranya berlaku sebarang penyelewengan semasa proses penghantaran, setiap kesalahan atau tindakan yang berlaku dalam proses itu tidak dapat dikenal pasti. Masalah ketirisan yang berlaku ini juga berpunca dari kegagalan pihak kerajaan atau lebih spesifiknya agensi-agensi

atau jabatan yang terlibat dalam pengagihan dan pembahagian skim baja subsidi ini. Para pesawah terpaksa mengikut sahaja kekurangan dan kelemahan pengurusan di peringkat pihak-pihak yang terlibat.<sup>39</sup>

Walaupun kerajaan secara tetap menyalurkan subsidi dan insentif berjumlah RM1.9 bilion khususnya baja setiap tahun, namun pengeluaran perkapita padi negara menyaksikan penurunan iaitu 2,741 tan pada 2015; 2,740 tan pada 2016 dan terus merosot kepada 2,571 pada 2017. Situasi ini dikatakan berpunca daripada ketiadaan data lengkap jumlah petani yang aktif menyebabkan kerajaan kerugian jutaan ringgit setiap tahun akibat ketirisan dan penyelewengan dalam agihan subsidi baja.<sup>40</sup>

### MASALAH INTEGRITI

Penyelewengan atau ketirisan skim subsidi baja boleh dikaitkan dengan isu integriti. Integriti secara umumnya adalah kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan sesebuah organisasi. Integriti lazimnya bertumpu kepada isu dan masalah rasuah, penyelewengan serta penyalahgunaan kuasa sebagai kunci memahami integriti.<sup>41</sup> Isu integriti berkait rapat dengan isu etika dan nilai-nilai murni dalam diri seseorang dan sesebuah organisasi. Isu penyalahgunaan kuasa, pecah amanah, rasuah dan penyelewengan amat merugikan negara. Integriti memerlukan setiap individu bertindak secara jujur dan amanah mengikut bidang kuasa dan tugasnya, telus, tiada konflik peribadi, berwibawa, akauntabiliti serta patuh kepada segala peraturan dan undang-undang.

Ada di antara petani dan pembekal baja yang menyalahgunakan peruntukan skim subsidi baja.<sup>42</sup> Petani-petani tidak dibekalkan dengan maklumat atau informasi yang sewajarnya semasa dibekalkan subsidi baja. Ini membawa impak kepada salah laku dalam cara mendapatkan subsidi baja dan cara penggunaan baja itu sendiri.<sup>43</sup> Justeru itu jika berlaku sesuatu konflik kepentingan maka keutamaan haruslah diberikan kepada kepentingan awam dan bukannya kepentingan peribadi. Sikap tamak haloba dan materialistik menjadi penyakit utama yang mendorong seseorang itu terjebak ke dalam kegiatan jenayah khususnya yang melibatkan nilai wang dan harta yang banyak. Tahap kemajuan sesebuah negara tidak hanya diukur

oleh indikator ekonomi dan kemampuan berdaya saing, tetapi turut dinilai dari aspek integriti dan moral yang dimiliki oleh organisasi dan masyarakatnya.<sup>44</sup>

### RASUAH

Rasuah juga mempunyai hubung kait yang rapat dalam isu ketirisan skim bantuan subsidi baja ini memandangkan sektor pertanian ini merupakan isu yang sangat penting dan melibatkan campur tangan pelbagai pihak.<sup>45</sup> Rasuah boleh berlaku dalam bentuk penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan upah dan diskaun. Menurut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) (Akta 694), terdapat empat kesalahan rasuah yang utama iaitu (i) Meminta/menerima rasuah;<sup>46</sup> (ii) Menawar/memberi suapan;<sup>47</sup> (iii) Mengemukakan tuntutan palsu;<sup>48</sup> dan menggunakan jawatan/kedudukan untuk suapan pegawai badan awam.<sup>49</sup> Pihak SPRM mempunyai kuasa penuh untuk mendakwa mana-mana pihak yang terlibat dalam masalah melibatkan rasuah yang membawa kepada ketirisan skim subsidi baja.

Kebiasaannya, masalah yang paling besar apabila melibatkan rasuah dalam konteks pengagihan atau pembahagian skim baja ini memberi kesan yang besar di kalangan para pesawah padi di mana kebarangkalian besar pembahagian baja tersebut tidak sampai kepada pihak yang sepatutnya iaitu pesawah.<sup>50</sup> Ketirisan yang berlaku dalam proses pengagihan dan pembahagian tersebut berlaku disebabkan penglibatan rasuah di kalangan pihak-pihak yang berkaitan dalam proses tersebut.

### TAHAP PENDIDIKAN

Tahap pendidikan petani juga menjadi antara faktor ketirisan skim baja. Antara faktor kenapa ada golongan petani yang tidak mematuhi undang-undang adalah buta huruf dan jahil.<sup>51</sup> Menurut kajian yang dijalankan di Bangladesh umpamanya, mendapati petani yang berpendidikan rendah tidak mempunyai ilmu yang mencukupi untuk diterapkan dalam aktiviti pertanian yang dijalankan oleh mereka.<sup>52</sup> Kadar

dan cara pembajaan yang tidak sempurna boleh menyebabkan lebih bekalan baja yang tidak digunakan akan berlaku.

Situasi ini memberi peluang kepada petani untuk menjual lebih baja subsidi kepada pasaran dan memperolehi keuntungan secara tidak langsung. Penjualan sekampit baja subsidi oleh petani dilaporkan boleh memperolehi keuntung sebanyak RM5.00. Keadaan ini dikatakan masih berlarutan disebabkan tiada pihak yang boleh mengambil tindakan terhadap mereka.<sup>53</sup> Berpandukan kepada Manual Pelaksanaan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (2009), pesanan baja dan pengagihan kuantiti subsidi baja adalah berdasarkan jumlah keluasan tanah yang diusahakan oleh petani. Seharusnya isu lebih baja tidak mungkin timbul kerana pengagihan yang dilaksanakan semasa proses pembahagian adalah berdasarkan keluasan tanah dan jumlah baja yang diperlukan adalah mengikut jadual yang telah ditetapkan. Namun, isu ini tetap masih berlarutan sehingga kini disebabkan sikap petani yang terlalu bergantung sepenuhnya bantuan daripada kerajaan. Petani seolah-olah menjadikan sumber agihan subsidi baja yang diberikan oleh kerajaan untuk memperolehi keuntungan daripada hasil penjualan baja. Sikap sebegini ini menjadi punca kegagalan segelintir petani untuk lebih maju dan berubah disebabkan sikap sedemikian.<sup>54</sup> Kebergantungan terhadap pemberian secara percuma oleh kerajaan telah disalah guna oleh segelintir petani boleh mengakibatkan jumlah pengeluaran hasil tanaman terjejas.

#### KEPELBAGAIAN INSTITUSI DAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Antara cabaran utama dalam menangani masalah ketirisan skim subsidi baja adalah berkaitan dengan isu-isu institusi dan undang-undang Malaysia kerana terdapat pelbagai agensi kerajaan dan Kementerian yang mengawal selia sektor pertanian di Malaysia.<sup>55</sup> Antaranya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kepelembagaan agensi kerajaan dan kementerian ini akan menimbulkan dasar-dasar yang tidak konsisten.<sup>56</sup> Di peringkat kebangsaan/nasional, dasar dan strategi dari pelbagai kementerian dan agensi yang mengawal selia sektor pertanian perlu diselaraskan bagi

memastikan sektor pertanian di Malaysia berjaya meningkatkan hasil pertanian.<sup>57</sup>

Peruntukan perundangan di Malaysia berkaitan permohonan, jualan dan pembelian berasaskan agrokimia yang berkaitan dengan sistem baja ini adalah sangat terhad. Seperti negara-negara membangun yang lain, Malaysia memberi penekanan mengenai isu penyalahgunaan dan penjualan bahan kimiaagro yang tidak wajar di kalangan pembekal dan petani luar bandar. Kegiatan jenayah ini harus dipelihara demi menjaga keselamatan pengguna, tubuh manusia, haiwan, tanaman yang tumbuh dan pemuliharaan ekosistem. Antara tindakan pencegahan yang dibekalkan oleh kerajaan adalah dengan menyediakan peruntukan undang-undang dan penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Racun Perosak 1974, Akta Racun 1952, Akta Makanan 1983, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Keselamatan dan Kesihatan 1994, Pengasapan Akta Hidrogen Sianida 1953 dan banyak peraturan dan garis panduan yang lain. Manakala undang-undang berkaitan yang terpakai di Malaysia untuk agrokimia iaitu Akta Racun Perosak 1974 yang dikenali sebagai Akta 149. Akta yang mengandungi 61 seksyen ini diwujudkan bagi mengawal aktiviti pengeluaran, penjualan dan penyimpanan, pembekalan, pendaftaran serta bidang kuasa kerajaan ke atas penguatkuasaan Akta ini dan sebagainya.<sup>58</sup>

#### PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA BERKAITAN BAJA

Penyelewengan yang berlaku dalam skim subsidi baja boleh diklasifikasikan sebagai satu bentuk jenayah profesional yang dilakukan oleh mana-mana individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Jenayah komersial ini memberi impak yang jauh lebih besar jika dibandingkan dengan jenayah konvensional seperti merompak, mencuri, peras ugut dan penipuan kerana boleh menjejaskan prestasi kewangan organisasi komersial. Justeru itu, berikut dibincangkan peruntukan-peruntukan sedia ada yang dirujuk berhubung dengan isu ketirisan subsidi baja.

#### KANUN KESEKSAAN

Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574) merupakan akta yang telah digubal bagi membolehkan seseorang

yang melakukan perbuatan jenayah diseksa dan kesabitan atas jenayah yang telah dilakukan. Dalam konteks ketirisan skim subsidi baja, pihak yang terlibat boleh didakwa di atas kesalahan menyalahgunakan harta secara jenayah oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah di Malaysia (SPRM). Umumnya kesalahan bagi ketirisan skim subsidi baja di bawah Kanun Keseksaan boleh didakwa dan disabitkan hukuman di atas kesalahan salah guna harta secara jenayah dan pecah amanah.

